

02 MAY 1996

Mahathir - Perniagaan

PM MAHU SEKTOR PERNIAGAAN BERUBAH DENGAN KEPERLUAN NEGARA MAJU

MELAKA, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor perniagaan perlu menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku ekoran proses pembangunan ekonomi pesat yang dialami negara sekarang.

Corak dan struktur perniagaan perlu berubah bersesuaian dengan proses pembangunan ekonomi dan permintaan pelanggan yang turut berubah selera dalam semua segi, katanya.

"Rakyat sekarang berubah selera ... mereka mahukan keadaan yang selesa dan moden dalam semua segi serta ingin kepada keadaan yang lebih baik, mewah dan tidak akan berpuashati dengan layanan yang tidak sempurna," katanya.

Semasa berucap melancarkan projek menambak pulau dan projek pembangunan Pulau Melaka di sini hari ini, beliau berkata negara sedang mengalami pertumbuhan ekonomi pesat menuju matlamat menjadi negara maju dan corak perniagaan dan cara hidup pun berubah.

Dr Mahathir berkata cara perniagaan zaman negara belum maju, seperti berniaga kecil-kecilan dan berniaga sendiri, tidak lagi sesuai dengan keadaan dan keperluan masyarakat maju.

Perniagaan seperti itu perlu berubah kepada perniagaan besar sama ada secara usahasama, perkongsian atau pemilikan saham supaya dapat menyesuaikan keadaan dan akan lebih berkembang, katanya.

"Kita tidak boleh kekal dengan cara lama kerana jika kita berubah ... pembangunan akan lebih pesat," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata kalau zaman dahulu, masyarakat biasa dengan kemudahan penginapan dalam bentuk rumah tumpangan tetapi peniaga yang kekal dengan perniagaan seperti itu tidak akan mendapat pelanggan sekarang.

"Peniaga seperti itu perlu berubah kepada perniagaan hotel sederhana atau mewah bagi memenuhi permintaan rakyat dan juga keperluan pelancong," katanya.

Malaysia telah berubah daripada bergantung kepada perusahaan bijih timah dan getah kepada sektor industri dan pelancongan dan perubahan itu perlu disesuaikan oleh semua sektor, katanya.

Beliau berkata Malaysia tidak boleh terus kekal dengan cara lama untuk memajukan negara dan bangsa ke tahap yang maju dan mampu berdikari tanpa bergantung kepada pihak lain.

Malaysia dihormati kerana kemampuan memaju dan mentadbir negara lebih baik malah lebih maju berbanding semasa di bawah pemerintahan penjajah, tidak seperti sesetengah negara yang maju semasa dijajah tetapi tidak selepas merdeka, katanya.

Perdana Menteri berkata pemaju Projek Pulau Melaka merupakan contoh kepada perubahan yang beliau sebutkan kerana daripada syarikat perlombongan bijih timah, ia telah berubah kepada syarikat pembangunan yang terkenal.

Larut Consolidated Berhad dan Talam Corporation Berhad menerusi anak syarikat mereka, Inno-Enhance Sdn Bhd melabur sebanyak RM2,000 juta bagi menambak pulau seluas kira-kira 100 hektar untuk dibangunkan dengan perumahan, kompleks komersil, hotel, marina dan kondominium.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani sebelum itu berkata kerajaan negeri akan memastikan projek menebusguna laut hanya dijalankan di kawasan pantai berpaya dan berlumpur.

Katanya, walaupun pembangunan yang melibatkan kerja penambakan laut diperlukan bagi kemajuan tetapi keutamaan akan diberikan bagi pemeliharaan

alam sekitar dan kepentingan masyarakat terutama perkampungan nelayan.

Kerajaan negeri juga akan cuba mengelak daripada amalan pengambilan tanah bagi projek pembangunan, katanya.

Banyak kawasan berpaya dan pesisiran pantai berlumpur dikenalpasti boleh dibangunkan secara tebusguna atau penambahan pulau seperti projek Pulau Melaka, katanya.

Beliau berkata masyarakat yang mungkin terjejas dengan pembangunan kawasan pantai akan diberi peluang dan bantuan bagi menceburi sektor yang bersesuaian dengan pembangunan persekitaran.

Zin berkata masyarakat yang terjejas dengan pembangunan seperti itu tidak harus menyisihkan diri dengan membiarkan emosi dan sentimen menguasai keadaan sedangkan perubahan yang berlaku membuka peluang yang luas.

-- BERNAMA

MOZ AHH